

Ruj : AKKM : (S) 2/3/2 Sj. 8 Jld. 9 (12)

Tarikh : 25 Oktober 2024

Semua Pegawai & Kakitangan  
ANGKASA

السلامة على نور محمد الله خير نعمة

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

### **JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada kakitangan ANGKASA yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

- 1. Nama Jawatan : PENGURUS ANGKASA NEGERI (GRED E2 / E2K) - 1 KOSONG  
PEJABAT ANGKASA NEGERI KELANTAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN / SEKSYEN ANGKASA  
NIAGA (JPAN & ANAK SYARIKAT)  
(KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI)**

### **Kelayakan / Pengalaman**

- Eksekutif Gred E3 / E4 / T2 yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam / Pentadbiran Perniagaan / Ekonomi dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berkhidmat 2 tahun di ANGKASA; **atau**
- Eksekutif Gred E3 / E4 / T2 yang berkelulusan Diploma Pentadbiran Awam / Pentadbiran Perniagaan / Ekonomi dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berkhidmat 4 tahun di ANGKASA.
- Calon dalaman selain gred di atas yang mempunyai kelayakan seperti syarat kelayakan calon luaran adalah layak memohon.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.
- Bersedia melakukan tugas di luar kawasan termasuk pada hujung minggu.

### **Bidang Tugas**

- Membina kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta serta melaksanakan aktiviti penjanaan pendapatan.
- Mengemaskini daftar keanggotaan koperasi ANGKASA di peringkat negeri berdasarkan status, sektor, dan aktiviti.
- Merancang, menyelaras, dan memastikan kelancaran proses Mesyuarat Agung Negeri (MAN).
- Bertanggungjawab menjalankan Projek Perniagaan Negeri.
- Memantau dan melaporkan pencapaian KPI serta menyediakan laporan perkembangan ANGKASA Negeri Kelantan.



Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan melalui Pengurus Besar Bahagian masing-masing dengan mengemukakan surat permohonan dan menyatakan jawatan yang dipohon berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport selewat-lewatnya pada **8 November 2024 (Jumaat)**.

Kakitangan bertaraf kontrak dan sementara boleh memohon jawatan yang diiklan ini.

Untuk sebarang maklumat lanjut, mohon hubungi Unit Perjawatan di talian 03-74548209 / 03-78846519.

**Hanya permohonan yang terpilih sahaja akan dipanggil untuk temuduga.**

Sekian, terima kasih.

**“SADIK, AMANAH, TELUS”**

Yang benar,



**WAN ABDUL HALIM WAN ABDUL RAZAK**  
Pengurus Besar  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Dan Tadbir Urus